



Kilang Gula Prai anjur majlis amal

Butterworth: Keprihatinan terhadap golongan kurang berkemampuan selain ingin mengeratkan silaturahim antara pekerja mendorong pekerja Kilang Gula Prai menganjurkan Majlis Jamuan Amal dan Silaturahim 2014, baru-baru ini.

Pengerusi program Mohd Zahir Murah berkata, program berkenaan diadakan buat kali kelima dan membabitkan semua kakitangan Kilang Gula Prai yang bertujuan meraikan golongan kurang berkemampuan seperti anak yatim, warga emas, orang kelelahan upaya dan pelajar tahfiz.

“Tujuan program ini untuk meraikan golongan kurang berkemampuan selain mengeratkan silaturahim antara pekerja Kilang Gula Prai. Selain jamuan makan, kami turut menghulurkan sumbangan daripada tabung zakat kepada golongan berkenaan dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM30,000,” katanya.

Lebih 2,000 tetamu menghadiri jamuan yang diadakan di Dewan Besar Sungai Dua.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) Mohamad Amri Sahari berkata, syarikat amat menggalakkan penganjuran program seumpama itu selain memberi sokongan penuh.

“Program seperti ini amat digalakkan dan syarikat menyokong penuh usaha berkenaan,” katanya yang turut memberitahu MSM berjaya mengumpul zakat lebih RM16 juta tahun lalu.